

22 DISEMBER 2017

## Mangsa dipercayai terlibat 18 kes dadah

### Mangsa dipercayai terlibat 18 kes dadah

**KUALA LUMPUR 21 Dis.** - Tan Aik Chai, mangsa pembunuhan kejam di sebuah stesen minyak di Johor Bahru, Johor pada Ahad lalu dipercayai mempunyai senarai rekod yang panjang berkaitan menjahat narkotik sejak 13 tahun lalu.

Menurut laporan portal *Malay Mail* yang disiarkan semalam, lelaki berumur 44 tahun itu dikatakan mempunyai rekod antaranya di bawah Seksyen 39A dan 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang timbul semasa penyiasatan mengenai kematianya dijalankan.

Sumber terdekat dengan penyiasatan tersebut memberitahu, Aik Chai dipercayai telah disiasat dalam 18 kes yang melibatkan pengedaran dan pemilikan dadah.

"Berdasarkan kes-kes itu, penyiasat dapat mengenal pasti kumpulannya, hasil maklumat

daripada rakan-rakan yang ditangkap. Si mati dikatakan dikenali dalam sindiket dadah negeri, kongsi gelap dan dikaitkan dengan sindiket pembiayaan wang haram atau ah long," katanya.

Ujar sumber, Aik Chai yang lahir di Melaka dan tinggal di Simpang Renggam, Johor dikenali sebagai 'Ah Chiu' dalam kalangan peniaga pasaran gelap dan dipercayai mempunyai masalah dengan beberapa ahli daripada pesaing geng dadah di Johor Bahru.

Dakwanya, lelaki itu dipercayai pernah ditahan kerana memiliki, menjaga dan mengawal dadah berbahaya di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 di Melaka Tengah.

Katanya, Aik Chai juga dipercayai dalam pemerhatian polis untuk tempoh empat tahun sebelum ditangkap sebanyak dua kali

pada 2008 kerana memiliki ganja dan ekstasi serta positif dadah di Taman Perling, Johor Bahru.

"Pada 2012 pula, dia dipercayai ditangkap dan disiasat sebanyak tujuh kali terutamanya dalam kes melibatkan dadah di Johor Bahru selain ditahan di Kempas kerana memiliki sebuah kereta yang dilaporkan dicuri di Pulau Tikus, Pulau Pinang.

"Selain itu, dia juga dipercayai ditahan beberapa kali untuk kesalahan dadah yang lain pada 2015 dan 2016," katanya.

Sementara itu, portal berita sama hari ini pula melaporkan, pasangan muda yang ditahan polis bagi membantu penyiasatan kes pembunuhan tersebut pagi semalam digambarkan sebagai pengedar dadah yang semakin meningkat naik dengan hubungan rapat kepada geng dadah di Johor.